

05/09/1997

Siapa Patih Karmawijaya?

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Pemuda Umno hari ini mahu identiti dalang yang menggerakkan `rancangan agung' untuk menjatuhkan pemimpin parti didedahkan kepada umum.

Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, yang mengimbas hikayat Sejarah Melayu mengenai peristiwa Hang Tuah difitnah mengadakan hubungan sulit dengan gundik raja, menyamakan dalang itu dengan watak berpengaruh Patih Karmawijaya di zaman kesultanan Melaka.

"Apakah watak Patih Karmawijaya ini masih wujud dalam parti? Siapakah gerakan Patih Karmawijaya moden ini yang menggerakkan rancangan agung untuk menjatuhkan pemimpin parti dan kerajaan pada masa ini?"

"Kita mahu mereka didedahkan tidak kira mereka tokoh atau pengikut," katanya berucap pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda Umno di sini.

Naskhah Sejarah Melayu sekali lagi menjadi rujukan kalangan pemimpin Umno dalam perhimpunan agungnya kali ini terutama ketika meminta ahli parti mengambil iktibar daripada sikap buruk yang membawa musibah kepada bangsa, walaupun kesannya kepada perwakilan masih boleh dipersoalkan.

Jika dalam ucapan dasar dua tahun lalu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memetik kisah si-Kitol yang menjadi penyebar fitnah yang menghancurkan kepemimpinan Melayu Melaka, kali ini Ahmad Zahid menjadikan Patih Karmawijaya, sebagai contoh.

Ahmad Zahid mahu Pemuda Umno sedar mengenai bahaya penyebaran fitnah yang boleh meruntuhkan kepemimpinan politik yang cemerlang dan telah berjaya memajukan negara ini.

Beliau memetik kisah pakatan sulit itu yang dirancang untuk menjatuhkan seseorang pemimpin yang jujur dan setia akibat sifat hasad dengki segolongan pimpinan Melayu Melaka ketika itu.

"Kisah itu sebagai satu pakatan sulit yang cukup besar di zaman kesultanan Melaka untuk menjatuhkan seorang panglima agung yang wataknya cukup penting ketika itu," katanya

Ahmad Zahid menyifatkan senjata fitnah itu amat perit akibatnya manakala kesakitan yang menimpa mangsanya tidak berakhir walaupun selepas orang yang membuat fitnah mendapat kejayaan.

(END)